

# Empower ECER manfaat komuniti setempat

Berita Harian (Nasional) 25/3/2021 (Khamis) m/s : 19.

**Raub:** Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) melalui UMP Advanced melaksanakan program empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi menjana pembangunan sosioekonomi di beberapa tempat di negeri Pantai Timur, termasuk di Raub.

Baru-baru ini, Program Taklimat empower ECER bertemakan 'Memacu Ke Arah Pembangunan Komuniti@ empower ECER Raub' dianjurkan oleh UMP Advanced.

Program berkenaan turut memabitkan Pejabat Daerah Raub dalam usaha untuk memperkenalkan kursus baharu serta memberi hebahlan mengenai pengambilan peserta baharu yang dilaksanakan di sini.

Penduduk Raub boleh menyertai kursus kemahiran yang memberi fokus kepada industri pertanian, pembinaan, elektrik dan pembuatan makanan dan pakaian.

Antara latihan yang diperkenalkan, termasuklah fertgastis cili dan sayuran, OEM jahitan pukal, bakeri dan pastri, masakan komersial, baik pulih penyaman udara, mesin basuh dan peti sejuk, pendawaian elektrik dan perpaipan dan perancah (scaffolding).

Pelaksanaan program empower ECER bertujuan untuk memperkasakan ekonomi tempatan dengan menyediakan asas untuk pembangunan sosioekonomi yang berterusan.

Program itu ditawarkan secara percuma kepada komuniti setempat, khususnya golongan B40, ibu tunggal, suri rumah, belia menganggur dan individu yang tidak berpendapatan tetap.

Kursus yang diperkenalkan itu diharap dapat menaikkan taraf hidup komuniti setempat sekaligus meningkatkan ekonomi rakyat Pahang, dan membasmi kemiskinan.

Di samping itu, pihak penganjur turut memberi pendedahan mengenai strategi dan kaedah pemasaran untuk melahirkan usahawan berjaya dengan perniagaan yang kukuh.

Peserta program bakal dibimbing oleh tenaga kerja yang berkemahiran melalui kerjasama UMP, agensi kerajaan serta jurulatih awam dan swasta yang mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara.

Majlis Taklimat empower ECER disempurnakan oleh Penolong Pegawai Daerah Raub, Tengku Azuddin Shah Tengku Alang.

Hadir sama, Pengarah Projek empower ECER Prof Madya Dr Abdul Aziz Mohd Azoddein dari UMP Advanced.

Abdul Aziz berharap, peserta program yang mendapat bimbingan kemahiran dan keusahawanan, mampu menjana pendapatan sendiri menerusi aktiviti perniagaan.

"Program empower ECER bertindak sebagai penyediaan asas



**Peserta yang menghadiri program taklimat empower ECER bertemakan 'Memacu Ke Arah Pembangunan Komuniti@empower ECER Raub' di Raub.** (Foto ihsan UMP Advanced)

yang akan membolehkan kelangsungan kegiatan sosioekonomi bagi jangka masa panjang untuk rakyat," katanya.

Peserta yang hadir pada majlis itu turut diberi peluang untuk menyertai kempen derma darah diadakan pada hari itu.

Kempen derma darah itu dilaksanakan untuk menggalakkan orang ramai tampil menderma darah bagi meningkatkan stok darah di tabung darah negara.

ECERDC adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk menajurai pelaksanaan Pelan Tindakan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) merangkumi Pahang, Kelantan, Terengganu dan daerah Mersing, Johor.



**Peserta turut menyertai kempen derma darah pada Program Taklimat empower ECER bertemakan 'Memacu Ke Arah Pembangunan Komuniti@empower ECER Raub' di Raub.** (Foto ihsan UMP Advanced)